NUCLEAR MEDICINE CENTRE

PANDUAN PENDIDIKAN

www.sunwaycancercentre.com

RAWATAN IODIN RADIOAKTIF UNTUK HIPERTIROIDISME

PENDIDIKAN KESELAMATAN SINARAN

RAWATAN IODIN RADIOAKTIF UNTUK HIPERTIROIDISME



Kelenjar tiroid ialah kelenjar kecil di leher anda, terletak di hadapan saluran pernafasan. Ia menghasilkan hormon yang dipanggil tiroksin yang mengawal metabolisme badan. Hipertiroidisme ialah keadaan perubatan di mana kelenjar tiroid menjadi terlalu aktif dan menghasilkan hormon tiroksin secara berlebihan.

Punca biasa hipertiroidisme ialah penyakit autoimun yang dikenali sebagai penyakit Graves (apabila sistem imun badan menyerang tisu badan sendiri) serta goiter benign tunggal atau berbilang nodul.

Pengeluaran tiroksin yang berlebihan boleh menyebabkan degupan jantung laju, mudah marah, tidak tahan haba, penurunan berat badan, tangan menggeletar, kelemahan otot, masalah tidur dan cirit-birit. Dalam kes yang teruk, ia boleh menyebabkan penyakit jantung (jantung gagal), kekeliruan, suhu badan tinggi dan kematian (keadaan ini dikenali sebagai krisis tiroid). Selain itu, penyakit Graves juga boleh menyebabkan keradangan dan mata membonjol, yang boleh membawa kepada buta.

RAWATAN YANG TERSEDIA UNTUK HIPERTIROIDISME

Pada masa ini, terdapat tiga jenis rawatan yang tersedia:

Ubat anti-tiroid (contohnya: Carbimazole)

Pembedahan

Iodin radioaktif (I-131)

Ubat anti-tiroid membantu mengawal simptom anda tetapi tidak menyembuhkan penyakit, manakala pembedahan dan I-131 mempunyai kesan penyembuhan.

APA ITU I-131?

I-131 ialah satu bentuk terapi sasaran yang menggunakan dos rendah iodin dalam bentuk radioaktif.

Dalam keadaan fisiologi normal, iodin digunakan oleh kelenjar tiroid untuk menghasilkan hormon tiroid. Apabila I-131 diberikan, ia akan diserap dan tertumpu di dalam kelenjar tiroid. Ia kemudian memancarkan radiasi yang secara khusus membunuh sel-sel tiroid.

KELEBIHAN RAWATAN I-131 BERBANDING RAWATAN LAIN

- Ia merupakan rawatan tidak invasif dengan tujuan penyembuhan.
- Ia sangat berkesan dengan peningkatan simptom dan parameter darah dapat dilihat dalam masa 4 hingga 8 minggu selepas rawatan.
- Kadar berulang penyakit yang rendah selepas rawatan.
- Tidak menyebabkan alahan dan tiada kesan sampingan terhadap hati atau kiraan darah rendah yang teruk.

RISIKO DAN KESAN SAMPINGAN DARIPADA RAWATAN I-131

I-131 telah digunakan untuk merawat penyakit tiroid selama lebih daripada 50 tahun. Walaupun dos radioaktif yang digunakan adalah rendah, tiada risiko kanser yang pernah dilaporkan setakat ini. Walau bagaimanapun, adalah dinasihatkan untuk mematuhi langkah berjaga-jaga seperti yang dinyatakan dalam bahagian seterusnya.

Kebanyakan pesakit tidak mengalami sebarang kesan sampingan selepas rawatan. Dalam kes yang jarang berlaku, pesakit mungkin mengalami kelenjar yang sakit dan bengkak, mulut kering, masalah mata yang semakin teruk, serta 'krisis tiroid'.

PROSEDUR RAWATAN

SEBELUM RAWATAN



Anda akan berjumpa dengan pakar perubatan nuklear sebelum rawatan untuk menilai keadaan perubatan dan fungsi tiroid anda, membincangkan pilihan rawatan, dan menjawab sebarang pertanyaan anda.

Jika anda memutuskan untuk menerima rawatan, anda perlu:

1. Berhenti mengambil ubat tertentu, terutamanya ubat anti-tiroid, selama beberapa hari sebelum rawatan.
2. Mengamalkan diet rendah iodin sekurang-kurangnya selama 1 minggu (anda akan dirujuk dan diberi nasihat oleh pakar diet kami).

PADA HARI RAWATAN

Anda akan diberi kapsul yang mengandungi iodin radioaktif. Anda perlu menelannya secara keseluruhan.

Dalam masa 24 jam, kebanyakan I-131 akan terkumpul di dalam kelenjar tiroid. Apabila baki I-131 disingkirkan melalui air kencing, anda digalakkan untuk minum banyak air dan kerap membuang air kecil bagi mengurangkan pengumpulan I-131 di buah pinggang.

SELEPAS RAWATAN



Jika anda pulang dari hospital, duduklah sejauh mungkin daripada pemandu.

Oleh kerana sejumlah kecil I-131 mungkin terdapat dalam air liur, disarankan untuk mengambil gula-gula masam atau limau selepas 24 jam bagi membantu menyingkirkan I-131 dari kelenjar air liur.

Anda dinasihatkan untuk mematuhi arahan doktor dengan teliti mengenai bila untuk menyambung semula ubat anti-tiroid dan ubat lain selepas rawatan I-131.

LANGKAH BERJAGA-JAGA KESELAMATAN SINARAN SELEPAS RAWATAN I-131

UNTUK DIPATUHI SELAMA 7-14 HARI

Memandangkan I-131 mungkin masih terdapat dalam air liur, peluh dan air kencing:



Elakkan kontak rapat dengan orang lain. Kekalkan jarak sekurang-kurangnya **3 kaki (1 meter)**.



Jarakkan diri sebanyak **6 kaki (1.85 meter)** daripada kanak-kanak dan wanita hamil.



Tidur di katil yang berasingan dengan jarak sekurangnya **6 kaki (1.85 meter)** daripada pasangan, anak, atau bayi.

Hadkan masa di tempat awam. Elakkan menggunakan pengangkutan awam.

Anda mungkin perlu menangguhkan kepulangan ke tempat kerja bergantung kepada jenis pekerjaan anda.

Jangan menyediakan makanan untuk orang lain atau berkongsi peralatan makan.

Apabila menggunakan tandas, siram **2 hingga 3 kali** selepas digunakan. Elakkan tumpahan air kencing.

Basuh pakaian, tuala dan cadar secara berasingan.

JANGAN hamil atau menghamilkan pasangan dalam **6 bulan pertama** selepas rawatan I-131. Bincang dengan doktor tentang pencegahan kehamilan.

HASIL DAN SUSULAN SELEPAS RAWATAN I-131

Kebanyakan pesakit menunjukkan tindak balas yang baik selepas satu sesi rawatan. Susulan dengan doktor dan ujian fungsi tiroid diperlukan untuk memastikan pemantauan rapi terhadap keadaan dan kesan sampingan anda serta menentukan sama ada rawatan tambahan diperlukan.

Pusat Kanser terletak di LG, Tower C

Waktu Operasi

Isnin-Jumaat	8.30am - 5.30pm
Sabtu	8.30am - 12.30pm

Tutup pada Ahad dan Cuti Umum

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi kami:

+603-7491 9191

+6019-297 1185

smc@sunway.com.my